

# Penyelidik UTHM cemerlang Itex' 2013

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan kejayaan memperoleh 16 pingat emas, lapan piperak dan satu gangsa sempena *24th International Invention, Innovation, and Technology Exhibition 2013 (Itex'13)*, minggu lalu.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, 16 pingat emas tersebut diperoleh melalui beberapa pensyarah dan tenaga pengajar di universiti berkenaan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar dan

Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat.

"Dalam pertandingan berkenaan, lebih daripada 1000 produk hasil penyelidikan dan inovasi telah menyertai pertandingan ini dan melibatkan peserta daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

"Turut sama menyertai pertandingan ini ialah, syarikat-syarikat korporat, agensi kerajaan, persatuan inovasi dan individu perseorangan yang mana masing-masing menunjukkan kelebihan ciptaan mereka.

"Pertandingan ini juga mendapat penyertaan daripada pelbagai negara seperti Iran, Korea dan Poland," katanya.

Beliau berkata, pertandingan pe-

nyelidikan dan inovasi itu diadili panel hakim daripada industri dan pelbagai agensi yang menilai melalui beberapa aspek iaitu keaslian idea, pembaharuan dan inovasi yang dilakukan, sumbangan kepada masyarakat serta potensi untuk dikomersialkan.

Jelasnya, terdapat 25 kategori yang dipertandingkan antaranya, Kategori Pertanian, Kategori Fabrikasi, dan Kategori Bioteknologi.

Beliau berkata, pameran berkenaan turut menjadi medium bagi membantu penyelidik mewujudkan kerjasama dengan pihak industri bagi membantu mengkomersialkan hasil penyelidikan dan inovasi dihasilkan.